

SELOKA PANDAI PAK PANDIR

PETIKAN ASAL	MAKNA	GAYA BAHASA
<p>Anak dipijak dagang dijinjing, Kucing dibunuh tikus dibela,</p> <p>Harta habis badan tergadai, Mendengar gelagak dagang, Tak sedar bertelanjang,</p> <p>Mendengar guruh di langit, Air di tempayan dicurahkan,</p> <p>Mulut kena suap pisang, Buntut kena cangkuk onak, Gunting makan di hujung, Pak Pandir juga yang menanggung,</p> <p>Apa didengar gelagak dagang, Gelagak rambutan jantan, Orang berbunga dia berbunga, Orang berbuah dia haram,</p> <p>Kilat memancar hujan tak jadi, Awak juga berkecundangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Pak Pandir melebihkan orang lain daripada anak sendiri. - Dia tidak dapat membezakan antara musuh dan rakan. - Semua harta miliknya tergadai kerana mempercayai cakap orang asing. - Pak Pandir telah hilang segala-galanya. - Akibat percaya akan orang lain, Pak Pandir membuang semua rezeki yang ada dan mengharapkan sesuatu yang belum pasti. - Sebenarnya Pak Pandir ditipu dalam diam tanpa disedarinya. Pak Pandir menanggung segala kesusahan sendirian. - Sikap Pak Pandir yang tidak berpendirian teguh yang mudah terikut-ikut atau terpengaruh dengan cara orang lain tetapi tidak mendatangkan sebarang hasil. - Sesuatu yang digembar-gemburkan belum pasti berlaku malah diri sendiri yang terpaksa menanggung akibatnya. 	<p>Peribahasa :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan - Gunting makan di hujung <p>Perulangan :</p> <p>Anafora : "Orang" Responsi : "kena"</p> <p>Paradoks:</p> <p>Keadaan yang bertentangan daripada kebiasaan.</p> <p>Contoh: Anak dipijak dagang dijinjing, Kucing dibunuh tikus dibela</p>
<p>TEMA: Sindiran terhadap sikap sesetengah manusia yang mudah mempercayai orang lain.</p>	<p>PERSOALAN:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sikap mengutamakan orang lain daripada keluarga sendiri. 2. Sikap tamak akan merugikan diri. 3. Sikap tidak mahu berfikir panjang sebelum melakukan sesuatu perkara. 	

PENGAJARAN:

1. Kita perlu berfikir sebelum membuat sebarang keputusan.
2. Kita tidak seharusnya mudah mempercayai seseorang yang baru dikenali.
3. Kita tidak sewajarnya mempercayai khabar angin.
4. Kita perlu bersyukur dengan rezeki yang dikurniakan oleh Tuhan.

NILAI MURNI.

1. Bijaksana.
2. Bersyukur.
3. Keyakinan

**ADAKAH ANDA MAHU MENJADI SEPERTI PAK PANDIR?
TEPUK DADA, TANYA SELERA .**